

## Istihalah Dalam Pandangan Islam

Ahmad Nuryani dan Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Email : ahmadnuryanifb@yahoo.com; izhar@ukm.my

---

**Abstrak** – Perkembangan sains dan teknologi telah memberi impak positif terhadap kehidupan manusia termasuk dalam penghasilan produk makanan dan bukan makanan. Dewasa ini telah timbul pelbagai isu halal haram sama ada berkaitan dengan bahan yang digunakan, cara pemprosesan dan penyediaan barangan akhir kepada para pengguna. Khususnya berkaitan dengan bahan yang digunakan, isu yang seringkali timbul adalah sumber berasaskan khinzir dan derivatifnya, darah, bangkai, alkohol dan arak. Sejajar dengan itu, dalam menangani isu berkenaan para fuqaha telah mengemukakan pendekatan bervariasi sebagai jalan penyelesaian terhadap persoalan yang timbul sama ada berasaskan sumber primer dan sekunder hukum Islam. Sumber hukum ini dimobilasikan melalui ijtihad sama ada berbentuk jama'i ataupun fardi. Dalam menjana aktiviti ijtihad, beberapa nilai baru boleh diambil kira bagi memantapkan hukum yang akan diputuskan. Antaranya nilai budaya dan nilai saintifik. Justeru, kertas kerja ini akan menjelaskan tentang proses istihalah dalam perspektife ulama islam dahulu dan ulama islam masa kini hubungan timbal baliknya dengan hukum Islam. Beberapa isu tentang makanan dan minuman akan dibincangkan bagi merealisasikan pengambilkiraan nilai saintifik dalam penetapan hukum Islam.

**Kata kunci:** Istihalah, pandangan Islam, halal, haram, hukum Islam.

---

### I. Pendahuluan

Segala puji bagi Allah, kita memuji-Nya, dan mencari bantuan dan pengampunan-Nya, dan kita berlindung kepada Allah dari kejahatan diri kita sendiri yang merugikan, dan aku bersaksi bahwa tidak ada Tuhan selain Allah, dan aku bersaksi bahwa Muhammad adalah Rasul-Nya (semoga Allah memberkati dia dan keluarganya dan dia).

Dewasa ini, sering kali terjadi kes-kes dalam penentuan status halal haram dalam produk makanan diperdebatkan. setiap tahun timbul pelbagai isu berkaitan makanan yang mana penyediaannya berasaskan perkembangan sains dan teknologi dari segi sumber bahan, cara penyediaan, pemprosesan. Perubahan penghasilan makanan kini berbeza sebagaimana ia disediakan terdahulu. Penggunaan enzim, emulsifier, bioteknologi dan sintetik adalah merupakan di antara beberapa bahan asas yang dimasukkan bersama di dalam penghasilan makanan kini dengan fungsi yang pelbagai. Di antara faktor yang menyumbang kepada perubahan kualiti makanan yang lebih baik adalah disebabkan berubahnya zaman, sosio-budaya masyarakat serta perkembangan sains dan teknologi.

Kertas kerja ini akan membahas sedikit tentang pemprosesan makanan atau benda najis menjadi suci, atau menurut metodologinya ialah istihalah. Jadi pada kesempatan yang berharga ini, saya akan mencoba menulis konsep istihalah dari segi pengertian lughoh, istilah beserta pembahagian istihalah menurut bentuknya terbagi menjadi tiga bahagian, diantaranya Perubahan dari segi fizikal dan kandungan, Perubahan fizikal sahaja dan Perubahan kandungan sahaja. Pada tulisan ini juga akan membahas tentang kategori-kategori istihalah dari segi sahiha dan fasidah beserta pandangan-pandangan ulamak silam dalam menerapkan istihalah dikalangan masyarakat Islam.

### II. Pengertian Istihalah.

Istihalah merupakan perkataan daripada bahasa arab yang secara etimologinya berasal dari akar kata (ح ل و ل (حال) yang berarti berubah. Manakala perkataan istihalah adalah kata terbitan. استحالة, يستحل, يستحل. Ia seerti dengan perkataan (حال)

yang bermaksud membawa perubahan (انقلاب) dan pertukaran (تغيير). Dalam disiplin sains, tiada konsep yang sinonim dengan istilah tetapi terdapat beberapa istilah lain yang mempunyai konotasi hampir sama yaitu transformation dan chemical decomposition. Mirande steel mengatakan transformation bermaksud menukar seluruh rupa atau watak sesuatu. Manakala perkataan *chemical decomposition* bermaksud suatu keadaan penguraian. Misalnya penguraian air kepada hidrogen dan oksigen. (Muhammad bin Mukrim Ibn Manzur, 1990 : h.185).

### II. 1. Pengertian dari segi istilah

Dari aspek terminologi, ia dihuraikan sebagai perubahan dan pertukaran suatu bahan kepada bahan lain yang meliputi pertukaran zat dan sifat. Menurut *Qal 'ahji dalam Mu'jam Lughot Al-Fuqaha*, perubahan melibatkan pertukaran sesuatu jisim kepada bentuk yang lain tanpa kemungkinan kembali kepada bentuk asal. Pandangan ini selari dengan Sa'di Abu Jayb dengan menghuraikan istilah sebagai sesuatu yang berubah daripada tabiat dan sifat asalnya. Misalnya biji benih tumbuh dan berubah menjadi pokok. Begitu juga perubahanyang menghilangkan unsur najis dan pertukaran suatu bentuk kotorannya kepada habuk. Selain daripada itu, ia juga melibatkan perubahan bentuk fizikal dengan mengekalkan kandungannya seperti air membeku menjadi air ais. Pengarang *al-Mawad al-Muharramah wa al-Najisah fi al-Ghiza' wa al-Dawa' bayna an-Nazariyyah wa al-Tatbiq* menyatakan teori perubahan zat atau istilah bermaksud apabila bahan najis atau haram berubah konsep dan bentuk zat serta sifatnya menjadi satu bahan lain halal, walaupun berbeza dengan bahan yang asal sama ada dari segi nama, kriteria dan sifat. (Nazih Hammad, 2004 : h. 16).

### II. 2. Perubahan Fizikal dan Kandungan

Perubahan ini dapat dilihat misalnya darah kijang berubah menjadi kasturi, bangkai berubah menjadi butiran garam kerana terjatuh dilautan garam dan najis binatang berubah menjadi abu dengan sebab pembakarannya. Darah kijang, bangkai, najis binatang serta abu tersebut berbah dari segi fizikal dan kandungannya. (Wahbah al-Zuhayli, 1997 : h. 100).

### II. 3. Perubahan Fizikal Sahaja.

Perubahan dari aspek luaran sahaja contohnya ialah kulit binatang selain anjing dan babi berubah menjadi suci setelah melalui proses penyamakan. Kulit binatang sebelum disamak adalah najis. Setelah disucikan ia halal diguna pakai. Begitu juga, perubahan minyak dan lemak yang diperoleh daripada berbagai-bagai sumber seperti kelapa sawit, lemak bintang dan sayuran kepada sabun. (Ahmad Ibn Muhammad al-Fayyumi, 1985 : h. 190).

### II. 4. Perubahan Kandungan Sahaja.

Perubahan dalam bentuk kandungan dalaman seperti arak bertujar menjadi cuka. Dari segi fizikal, arak dan cuka tetap dalam bentuk cairan tetapi dari segi kandungannya berbeza. Arak adalah minuman haram sedangkan cuka statusnya halal. (al-Zuhaily, 1997 : h. 109&112).

Kaedah *istihalah* sebagaimana yang dihuraikan diatas seringkali juga dirujuk oleh ulamak silam sebagai istilah (penguraian) yang membawa konsep yang hampir sama. Istihlak merujuk kepada percampuran yang berlaku antara bahan suci dalam kuantiti yang banyak dengan bahan najis yang sedikit tanpa disengajakan oleh pelakunya, dimana bahan najis yang sedikit itu bercampur dan hancur didalam bahan yang suci tanpa wujudnya lagi zat dan sifat asalnya. yang sering diberikan ialah bangkai binatang najis yang terjatuh dalam garam yang banyak sehingga ia bertukar menjadi garam sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Begitu juga sebaliknya apabila suatu benda yang suci, terjatuh dalam bahan najis yang banyak, akan menyebabkan bahan suci tersebut terlarut dalam najis dan menjadi najis kerana sifat najis tersebut dominan kerana kuantitinya lebih banyak. (Muhammad Safiri, t.t. : h. 78&79).

## III. Kategori Istihalah

Menurut Mohd Aizat Jamaludin, penyelidik daripada Institut penyelidikan produk halal dalam kertas kajiannya yang bertajuk "Teori Istihalah dari perspektif Fekah: Analisa penentuan Halal dan Haram dalam produk makanan" membahagikan Istihalah kepada tiga kategori diantaranya: (al-Zuhaily, 1998 : h. 252&254).

### III. 1. Istihalah Sahihah (Istihalah yang diterima)

Proses perubahan daripada bahan yang halal bercampur dengan ejen pengubah yang halal atau haram dan menghasilkan produk akhir yang halal. Contohnya, bangkai khinzir yang terjatuh kedalam laut dan berubah menjadi garam dan Tanaman yang dibaja dengan najis dan menghasilkan buah.

### III. 2. Istihalah Fasidah (Istihalah yang merosakkan)


Proses percampuran bahan halal atau haram dengan ejen pengubah yang halal atau haram dan menghasilkan produk akhir yang haram. contohnya, Air anggur yang diperam dan menjadi arak, Haiwan halal yang diberi makan najis dan Kek yang dihasilkan menggunakan arak sebagai bahan penambah perisa.

### III. 3. Istihalah Mulghah (Istihalah yang tidak diterima)

Proses perubahan daripada bahan asal yang haram bercampur dengan ejen pengubah yang haram dan menghasilkan produk akhir yang juga haram. Contohnya, Khinzir yang diberi makan najis dan statusnya kekal haram. (Mustafa Ahmad al-Zarqa, 1998 : h. 100&102).

## IV. Struktur Teori Istihalah

Secara umumnya, struktur teori istihalah mempunyai kerangka asasnya yang tersendiri. Ia dapat dilihat dalam Rajah 1.



Rajah 1. Struktur Istihalah

Secara asasnya, struktur teori istihalah terdiri dari tiga elemen asas yang penting dan utama: (a). Bahan asal atau bahan mentah., (b). Agen perubahan yang berlaku. (c). Bahan akhir atau bahan baru yang terhasil. Struktur ini dilengkapi dengan proses percampuran dan proses perubahan. Proses perubahan berlaku apabila bahan asal (raw material) berinteraksi dengan agen perubahan sama ada semula jadi atau tidak semula jadi. Dalam proses ini bahan yang tercampur tersebut akan mengalami perubahan yang menghasilkan bahan akhir. Bahan akhir ini berbeza dari segi fizikal ataupun kandungan dari bahan asal. (Domein H. Bruinsma, 1983: h. 807).

## V. Pembahagian dan Model Istihalah


Pada dasarnya, dalam perbincangan fiqh klasik, tiada satu pembahagian yang jelas dilakukan terhadap teori istihalah. Namun, istihalah sebagai sebuah konsep yang berkembang adalah wajar dilakukan pembahagian yang sistematik. Pembahagian ini sesuai dengan prinsip biasa yang terdapat dalam ilmu Usul al-Fiqh. Berasaskan perbincangan struktur teori istihalah, ia dapat diklasifikasikan kepada dua bahagian utama. Pertama, istihalah sahahah (perubahan diterima)

ia adalah perubahan yang diterima dikalangan ulama. Ia melibatkan perubahan dari satu bahan kepada bahan lain melalui agen semula jadi atau tidak semula jadi yang sama bahan akhir yang berbentuk adalah halal. (al-Zuhayli, 1998 : h. 254).

Kedua istihalah fasidah (perubahan rosak). Ia merupakan proses perubahan yang rosak atau tidak diterima. Proses ini melibatkan dari satu bahan yang halal kepada bahan baru yang haram melalui agen perubahan yang halal atau haram. Setelah mengalami proses tersebut, bahan akhir yang terhasil dikategorikan sebagai haram. Namun begitu, dalam kes-kes tertentu, ia boleh berkemungkinan berubah menjadi halal kembali. Daripada pengklasifikasian tersebut, dapat dirumuskan enam bentuk formula dan model ini dapat dilihat dalam Rajah dua hingga tujuh.

### V. I. Model 1<sub>1</sub>

Model 1<sub>1</sub> merupakan istihalah sahahah. Perubahan ini melibatkan bahan asalnya adalah halal, kemudian bercampur dengan agen perubahan yang juga halal sehingga menyebabkan berlaku proses perubahan. Akhirnya, bahan yang terhasil adalah halal. Secara ringkasnya dapat dilihat dalam formula dan Rajah 2 berikut: (Tan Cheng Seng, Temu Bual, 2006).

Rajah 2. Istihalah Model I<sub>1</sub>

Contohnya, dalam penghasilan bebola ikan dan udang, penggunaan enzim transglutaminasi recombinan dicampur bersama *dough* (bahan asal) yang halal. Enzim ini berperanan sebagai agen pengenyal untuk menghasilkan produk yang lebih baik. Bahan akhir yang terhasil adalah bebola ikan dan udang yang bermutu lagi halal.

#### V. 2. Model I<sub>2</sub>


Model I<sub>2</sub> menunjukkan proses istihalah sahahah. Dalam proses perubahan ini, bahan asalnya adalah haram, bertindak balas melalui proses percampuran dengan agen perubahan yang halal. Seterusnya berlaku proses perubahan dan menghasilkan bahan akhir yang dikategorikan sebagai halal. Ia dapat dilihat dalam formula dan Rajah 3.

Rajah 3. Istihalah Model I<sub>2</sub>

Misalnya, haiwan seperti khinzir yang terjatuh kedalam lautan garam. Dalam keadaan ini, daging khinzir sebagai bahan asalnya yang haram terurai dalam air garam. Dalam proses yang lama, garam sebagai agen perubahan yang halal telah mengubah struktur dan molekul daging tersebut menjadi butiran garam. Dalam hal ini, garam yang terhasil (bahan akhir) adalah halal. Selain itu, proses ini juga dapat dilihat didalam pengkuarantinan haiwan *al-Jallalah*. Haiwan *al-Jallalah* seperti ikan yang diberi makan usus khinzir yang asalnya haram dimakan boleh berubah menjadi halal setelah melalui proses pengkuarantinan dalam tempoh tertentu.

#### V. 3. Model I<sub>3</sub>

Model I<sub>3</sub> menjelaskan proses *istihalah sahahah*. Proses ini melibatkan bahan asalnya yang halal, melalui agen pemprosesan yang haram dan akhirnya menghasilkan bahan baru yang halal. Ia dapat dilihat dalam formula dan rajah 4. (John T.R. Nickerson, 1989 : h. 182).

Rajah 4. Istihalah Model I<sub>3</sub>

Umpamanya, dalam bentuk pokok buah-buahan yang dibajakkan dengan najis khinzir. Proses ini melibatkan percampuran bahan asal yang halal iaitu pokok tanaman dengan aden perubahan yang haram iaitu najis khinzir. Najis khinzir yang bertindak sebagai agen pengurai kepada nutrient tanah telah menghasilkan buah-buahan yang halal malah lebih baik dan bermutu. Dalam hal ini, najis khinzir tersebut hanya berperanan sebagai agen luaran yang bertindak menyuburkan tanah supaya menghasilkan buah-buahan yang lebih subur.

V. 4. Model I<sub>4</sub>

Model I<sub>4</sub> menunjukkan model proses *istihalah fasidah*. Proses ini melibatkan bahan asal adalah daripada sumber yang halal, kemudian bercampur dengan agen perubahan yang halal sehingga menghasilkan bahan akhir yang haram. Ia dapat dilihat dalam formula dan rajah 5.

Rajah 5. Istihalah Model I<sub>4</sub>

Sebagai contoh, dalam pemprosesan buah anggur menjadi arak. Bahan asal yang halal bertindak balas dengan agen perubahan yang halal sehingga berubah menjadi arak. Dalam hal ini, bahan akhir yang terhasil diklasifikasikan sebagai haram. Walaupun begitu, ia dapat berubah menjadi halal kembali setelah melalui proses pemeraman kali kedua sehingga menghasilkan bahan akhir yang baru dan halal iaitu cuka. (John T.R. Nickerson, 1989 : h. 183).

V. 5. Model I<sub>5</sub>

Model I<sub>5</sub> menggambarkan proses *istihalah fasidah*. Proses perubahan ini melibatkan bahan asal yang halal, kemudiannya melalui agen perubahan haram sehingga menghasilkan bahan akhir yang juga haram. Ia dapat dilihat dalam formula dan rajah 6.


Rajah 6. Istihalah Model I<sub>5</sub>

Contohnya, penggunaan enzim transglutaminase yang bersumberkan darah haiwan dalam penghasilan produk makanan. Umpamanya seperti penghasilan sosej ayam dan daging, keju dan yogurt. Bahan-bahan asal yang halal dicampur dengan enzim transglutaminase sebagai agen perubahan yang haram untuk menghasilkan bahan akhir yang lebih baik. Walaupun berlaku proses percampuran dan perubahan tersebut, bahan akhir demikian tetap dikategorikan sebagai haram kerana telah bercampur dengan agen yang haram. Ini kerana setelah dianalisis menggunakan teknologi makmal, bahan akhir yang bercampur dengan darah dan mengalami proses perubahan masih dapat dibuktikan wujud pada bahan akhir tersebut.

Selain itu, *istihalah fasidah* juga berlaku dalam penghasilan kek sama ada disapu atau dicampur dengan wain untuk tujuan mencantikkan dan menambahbaikkan struktur luaran dan kandungannya. Dalam hal ini, kek sebagai bahan asal yang halal telah disapu atau dicampur dengan wain sebagai agen perubahan yang haram. Walaupun sifat wain yang meruap (*evaporated*) dan menyebabkan kek tersebut mengalami perubahan yang lebih baik, ia tetap haram dimakan. Ini kerana kandungan wain yang digunakan masih wujud walaupun sedikit. (Yaakob Che Man, Temu Bual, 2008). Ini bersesuaian dengan hadis “*jika penggunaan banyak diharamkan, maka yang sedikitpun turut haram*”.

V. 6. Model I<sub>6</sub>

Model I<sub>6</sub> merupakan proses *istihalah fasidah*. Proses perubahan ini melibatkan bahan asal yang haram, kemudiannya melalui agen perubahan yang halal sehingga menghasilkan bahan akhir yang juga haram. Ia dapat dilihat dalam formula dan rajah 7.

Rajah 7. Istihalah Model I<sub>6</sub>

Contohnya dalam penyediaan stik khinzir. Bahan asal yang berasaskan khinzir dicampur dengan sos yang halal sehingga menghasilkan bahan akhir yang tetap haram. Bahan asal yang haram tidak memberi kesan terhadap campuran bahan yang halal. Justeru berasaskan model tersebut, ia dapat diaplikasikan sebagai instrumen purifikasi alternative yang relevan terutamanya dalam menghasilkan produk makanan. ( Abu Bakr Ahmad Bin al-Husyan Bin ‘Ali Al-‘Ibayhaqi, t.t. h 514).

## VI. Istihalah Dari Perspektif Ulamak Silam dan Proses Itihalah Modern

Secara umumnya, idea bagi konsep *istihalah* ini sebenarnya berasal dari sumber wahyu Allah SWT sebagaimana yang tercatat dalam surah : (an-Nahl ayat 66).

وإن لكم في الأنعم لعبرة نسقيكم مما في بطونه من بين فرث ودم لبنا خالصا سائغا للشاربين

“Dan Sesungguhnya pada binatang ternak itu benar-benar terdapat pengajaran bagi kamu. Kami memberimu minum daripada apa yang berada dalam perutnya (berupa) susu yang bersih antara tahi dan darah, yang mudah ditelan bagi orang-orang yang meminumnya”.

Dalam pemerhatian terhadap ayat diatas, konsep *istihalah* dapat dilihat dari aspek bahawa susu yang dihasilkan oleh binatang ternakan adalah halal walaupun ia berada diantara najis dan darah haiwan berkenaan. Susu itu terhasil dari makanan yang dimakan oleh haiwan tersebut yang kemudiannya dicernakan didalam perut dimana sebahagiannya menjadi darah, daging dan susu, manakala selebihnya menjadi najis yang dikeluarkan apabila tiba masanya.

Perubahan tabie darah yang haram dimakan kepada susu dan daging yang suci dan halal dimakan adalah proses *istihalah* yang diterima. Begitu juga halnya dengan perubahan jus anggur kepada arak dan arak yang menjadi cuka, air najis yang disiram sebagai baja kepada pokok yang kemudiannya menghasilkan buah, najis yang berubah menjadi tanah, haiwan jallalah yang dikuarantin dalam tempoh tertentu sehingga keadaannya seperti sediakala. Semuanya ini merupakan proses *istihalah* yang diterima oleh majority ulamak.

Aplikasi konsep *istihalah* walaupun disebut dalam banyak karya fiqh silam, bukanlah menjadi suatu perkara yang disepakati dikalangan ulamak. Berlaku perselisihan pandangan yang agak ketara dikalangan ulamak dalam isu ini, dimana secara umumnya konsep *istihalah* ini diterima pakai secara ittifaq dalam beberapa kes sahaja, manakala sejumlah besar lain menjadi pegangan dalam mazhab-mazhab tertentu sahaja sebagaimana yang akan dihuraikan nanti. (Dr. Saadan Man, t.t : h. 442).

### VI. 1. Mazhab Hanafi

Para ulamak dalam mazhab Hanafi kebanyakan menerima konsep *istihalah* ini secara agak meluas walaupun terdapat sedikit perselisihan antara Muhammad dan Abu Yusuf. ibnNujaym dalam karyanya *al-Bahr al-Raqa’iq* menyebut (ibn nujaym: 238) :

“Antara perkara yang boleh menjadi suci sesuatu yang bercampur najis apabila bertukar atau berubah zatnya, seperti arak yang bertukar menjadi cuka. Masalah arak menjadi cuka tidak ada peselisihan pendapat dalam kalangan fuqaha’. Namun demikian dalam masalah lain seperti babi dan bangkai jatuh kedalam garam dan bertukar menjadi garam, maka garam itu boleh dimakan. Begitu juga dengan tahi binatang yang dibakar menjadi abu, maka abu itu suci. Inipendapat yang dipegang oleh Muhammad, manakala Abu Yusuf berpendapat ia tetap najis walaupun zatnya telah berubah.”

Ibn ‘Abidin dengan maksud yang sama menegaskan : (Ibn ‘Abidin, t.t : h. 291).

“Penyucian sesuatu yang najis boleh berlaku dengan proses perubahan ‘ain. Contohnya minyak yang najis apabila dicampurkan kedalam bahan seperti sabun adalah suci sekiranya minyak berkenaan telah beruba ‘ainnya. Perubahan tersebut adalah perubahan satu hakikat kepada satu hakikat yang lain.”

Al-Kasani pula dalam kitabnya *Bada’i al-Sana’i* menyatakan perkara yang sama. (al-Kasani, t.t : h. 442)

“Mengikut Muhammad, sesuatu yang najis apabilabertukar sifat dan zatnya maka terkeluarlahdari keadaan najis, kerana najis adalah nama bagi sesuatu yang disifatkan. Apabila sesuatu yang disifatkan,seperti arak yang bertukar menjadi cuka.”

#### VI. 2. Mazhab Maliki

Pandangan dalam mazhab Malaiki berhubung perkara ini hampir menyerupai pandangan mazhab Hanafi. Ibn Rusyd menghuraikan dalam *Bidayat al-Mujtahid* (Ibn Rusyd: *Bidayat al-Mujtahid*: 1:461):

“Arak dan bekasnya menjadi suci apabila ia bertukar menjadi cuka dengan sendirinya, atau secara dipindahkan dari tempat yang ada bayang kebawah sinaran matahari atau sebaliknya (bagi mempercepatkan proses pertukaran), kerana sifat kenajisannya iaitu kuasa memabukkan itu telah hilang, tanpa menggantikan penggantinya (cuka) itu najis.”

Al-Dasuqi pula menyatakan : (al-Dasuqi, t.t : h. 50).

“Sesuatu yang berubah kepada yang baik adalah suci, sebaliknya sesuatu yang berubah kepada yang buruk dan kotor adalah najis, umpamanya susu anak Adam walaupun daripada orangkafir adalah suci kerana berlaku perubahan (istihalah) kepada yang baik. Manakala muntah yang keluar dari usus adalah najis kerana berlaku perubahan (istihalah) kepada yang kotor.”

Mazhab Maliki juga menganggap bahawa abu najis yang dibakar serta asapnya sebagai suci. Bagaimanapun mazhab ini tidak menganggap kulit bangkai binatang yang melalui proses penyucian (*dabgh-samak*) sebagai suci. (al-Zuhayli, t.t : h. 109).

#### VI. 3. Mazhab Syafie

Dalam mazhab Syafie pula, konsep *istihalah* ini diterima dalam tiga perkara sahaja iaitu; a). Arak yang menjadi cuka dengan secara tabie. b). Kulit binatang yang mati selain dari anjing dan babi apabila disamak. c). Sesuatu yang berubah menjadi binatang, seperti bangkai yang bertukar menjadi ulat, kerana wujudnya kehidupan. Arak yang berubah menjadi cuka disebabkan perbuatan manusia mengubahnya bagi tujuan mempercepat proses pertukaran tidak dianggap suci. (al-Zuhayli, t.t : h. 110).

#### VI. 4. Mazhab Hanbali

Mazhab Hanbali mempunyai pendirian yang hampir sama dengan mazhab Syafie, dimana prinsip *istihalah* ini hanya diterima dalam konteks arak yang menjadi cuka dengan sendirinya, atau dipindahkan oleh manusia ketempat yang boleh mempercepatkan proses penukaran tanpa disertai dengan niat berbuat demikian. Proses pembakaran najis tidak menjadikannya suci, dengan makna bahawa abu dan asapnya adalah najis, begitu juga wap sesuatu yang najis adalah najis. Tanah liat yang dipenuhi oleh tahi binatang yang haram dimakan adalah najis walaupun dibakar untuk dijadikan pasu dan seumpamanya. Dalam kes jika binatang najis jatuh kedalam garam dan bertukar menjadi garam, ataupun jatuh kedalam sabun dan menjadi sabun, ia tetap najis dan haram (Wahbah al-Zuhayli 1:111-112).

#### VI. 5. Mazhab – Mazhab Lain.

Ibn Hazm dalam mazhab Zahiri menegaskan: (Ibn Hazm, t.t : h. 138).

“Apabila sifat sesuatu bahan najis atau haram itu berubah, maka namanya turut berubah dan sifat najisnya terbatal, dimana nama tersebut menjadi sebab kepada penentuan hokum haram tersebut. Lalu status bahan tersebut berubah menjadi satu bahan lain yang mempunyai satu hukum yang berlainan. Demikianlah juga keadaannya dengan bahan-bahan suci yang mana keadaannya tekah berubah menjadi najis,maka namanya juga menjadi bahan najis dan haram. Contohnya seperti jus buah-buahan yang menjadi arak, atau arak menjadi cuka,daging babi yang dimakan oleh itik yang berubah menjadi sebahagian dari daging halal itik berkenaan, airminuman yang berubah menjadi air kencing, makanan yang berubah menjadi tahi, tahi dan air kencing yang digunakan sebagai baja yang membantu pokok mengeluarkan buah-buahan yang halal dimakan. Dan contoh-contoh untuk hal ini amatlah banyak sekali.”

Jelas dari kenyataan beliau bahawa konsep *istihalah* ini boleh digunakan secara terbuka dengan melihat kepada sifat-sifat sesuatu bahan yang berubah tersebut.

Ibn al-‘Arabi juga menyebutkan hal yang hampir sama: dipetik dari Nazih Hammad, penggunaan bahan-bahan haram dan najis dalam makanan dan ubat-ubatan mengatakan:

“Ulamak berselisih pendapat tentang benda-benda yang boleh dimakan yang terbit dari benda najis, adakah dihukumkan sebagai suci atau najis., seperti sayur-sayuran yang disiram dengan air najis atau dibajai dengan bahan najis. Ulamak yang menghukumkan sebagai najis mengaitkannya dengan sifat yang terdapat pada zat sesuatu benda

dan membina hukum atas sifat zat tersebut. Yang menjadi peganganku ialah ianya adalah suci kerana abah najis tersebut telah hilang sifatnya dan bentuknya juga sudah berubah. Sifat-sifatnya sekarang telah menjadi sifat yang lain lalu hukumnya ditetapkan kepadanya juga berubah. Ramai yang menimbuskan sampah sarap yang bernajis kedalam tanah dan tumbuhan yang tumbuh di atasnya pula tidak dihukumkan najis.”

Dari huraian diatas, dapat dirumuskan bahawa dalam kalangan fuqaha' silam, ada ulamak yang menerima konsep *istihalah* ini secara terhad sebagaimana yang dilihat dalam mazhab Syafie dan Hanbali, dan ada yang menerimanya secara lebih terbuka seperti mazhab Hanafi, Maliki dan Ibn Hazm. (Ibn Hazm, t.t : h. 140).

## VII. Proses Istihalah Modern

### VII. 1. Proses istihalah dalam makanan dan minuman

Dewasa ini banyak sekali terdapat isu-isu tentang produk-produk makanan khususnya, dimana ianya mengandungi daripada unsur-unsur benda yang najis dan haram. Dalam kes ini, jenis makanan atau minuman yang menggunakan alkohol untuk mencairkan beberapa bahan yang digunakan untuk membuat makanan atau minuman tersebut seperti pewarna, bau-bauan makanan dan sebagainya, yang mana bahan-bahan tersebut tidak boleh cair dengan menggunakan air, maka alkohol digunakan. Satu contoh terbaik minuman yang menggunakan kaedah ini ialah minuman coca cola, pepsi dan mirinda. Kesemua minuman tersebut menggunakan bahan pewarna yang dicairkan dengan kaedah alkohol. Nama pewarna tersebut ialah Beta Carotene. Kaedah pencairan ini menggunakan pakai kandungan alkohol dalam nisbah penggunaan sebanyak 0.2 – 0.3 % sahaja dan ini juga menurut hukum syarak adalah dibolehkan. (Muhammad Abd Salam, 2003 : h. 135).

Walaupun begitu terdapat juga jenis-jenis makanan dan minuman yang menggunakan alkohol jenis memabukkan dengan tujuan untuk mendapatkan rasa yang lebih sedap dan membuatkan orang ramai merasa ketagihan selepas makan atau minum bahan tersebut. Ianya banyak terdapat dalam beberapa jenis aiskrim, manisan, sebahagian coklat, minuman bergas dan sebagainya. Penambahan alkohol jenis tersebut sengaja dilakukan pada sebahagian besar jenis makanan dan minuman dengan tujuan untuk mendapatkan rasa yang tertentu dan terbaik supaya pengguna merasa ketagihan dan menyukai makanan atau minuman tersebut. Maka penggunaan alkohol ini, dengan jelas tidak dibolehkan malah diharamkan dalam Islam. (Ibn Hamz, t.t : h. 135).

### VII. 2. Proses istihalah dari kotoran binatang

Proses istihalah yang bersumber daripada kotoran najis, Hukum asal najis berubah kepada bersih: Najis atau tahi ayam, lembu, kerbau dan sebagainya, apabila diproses ia akan berubah menjadi baja yang digunakan untuk tanaman. Maka dalam hal ini tahi binatang tersebut yang asalnya najis yang tidak boleh dimanfaatkan telah pun bertukar hukumnya boleh dimanfaatkan setelah melalui proses al-Istihalah. (Abd Rahman al-Bassam, t.t : h. 12).

## VIII. Perselisihan Ulama dalam Masalah Istihalah

Salah satu pendapat Imam Ahmad, menyatakan bahawa najis pada 'ain (dzat) dapat suci dengan *istihalah*. Jika najis sudah menjadi abu, maka tidak dikatakan najis lagi. Garam (yang sudah berubah) tidak dikatakan najis lagi walaupun sebelumnya berasal dari keledai, babi atau selainnya yang najis. Begitu pula dianggap suci jika najis jatuh ke sumur dan berubah jadi tanah. Misal yang lain, khomr ketika berubah menjadi cuka baik dengan sendirinya atau dengan proses tertentu dari manusia atau cara lainnya, maka itu juga dikatakan suci. Hal ini semua dikarenakan zat yang tadi ada sudah berubah. Aturan Islam pun menetapkan bahawa sifat najis jika telah hilang, maka sudah dikatakan tidak najis lagi (sudah suci). Jadi jika tulang dan daging berubah menjadi garam, maka yang dihukumi sekarang adalah garamnya. Garam tentu saja berbeda statusnya dengan tulang dan daging tadi.

Perkara semisal ini amatlah banyak. Intinya, *istihalah* pada zat terjadi jika sifat-sifat najis yang ada itu hilang. Adapun ulama Syafi'iyah dan pendapat ulama Hambali yang lebih kuat, najis 'ain (zat) tidaklah dapat suci dengan cara *istihalah*. Jika anjing atau selainnya dilempar dalam garam, akhirnya mati dan jadi garam, maka tetap dihukumi najis. Begitu pula jika ada uap yang berasal dari api yang bahannya najis, lalu uap itu mengembun, maka tetap dihukumi najis. Dikecualikan dalam masalah ini adalah untuk khomr, yaitu khomr yang berubah menjadi cuka dengan sendirinya, tidak ada campur tangan. Cuka yang berasal dari khomr seperti itu dianggap suci. Alasan najisnya khomr tadi adalah karena memabukkan. Saat jadi cuka tentu tidak memabukkan lagi, maka dari itu dihukumi suci. Hal ini telah menjadi ijma' (kesepakatan para ulama). Adapun jika khomr berubah menjadi cuka dengan proses tertentu misalnya ada gas yg masuk, maka ketika itu tidaklah suci. (al-Zuhayli, 1998 : h. 121).

## IX. Pendapat yang *Rojih*

Dari perselisihan di atas, pendapat yang *rojih* (kuat) dalam masalah ini adalah yang menyatakan bahawa suatu zat yang najis yang berubah (dengan istihalah) menjadi zat lain yang baru, dihukumi suci.



Di antara alasannya adalah karena hukum itu berputar pada 'illahnya (alasan atau sebab). Jika 'illah itu ada, maka hukum itu ada. Jika sifat-sifat najis telah hilang, maka hukum najis itu sudah tidak ada. Demikianlah yang dijelaskan dalam kaedah ushuliyah, "Hukum itu berputar pada 'illahnya. Jika 'illah itu ada, maka hukum itu ada. Begitu sebaliknya jika 'illah itu tidak ada, maka hukum itu tidak ada."

Pendapat inilah yang lebih tepat, apalagi diterapkan di zaman saat ini. Kita masih ingat bahwa minyak bumi itu asalnya dari bangkai hewan yang terpendam ribuan tahun. Padahal bangkai itu jelas najis. Jika kita katakan minyak bumi, itu najis karena berpegang pada pendapat Syafi'iyah dan Hambali, maka jadi problema untuk saat ini. (al-Zuhayli, 1998 : h. 112). Jika seseorang memahami kaedah *istihalah* ini, ia akan tahu bagaimanakah menghukumi suatu najis apabila najis tersebut sudah berubah menjadi benda lain yang tidak nampak lagi *atsar-atsarnya* (bekas-bekasnya).

## X. Kesimpulan

Ulama Hanafiyah dan Malikiyah, juga menjadi salah satu pendapat Imam Ahmad, menyatakan bahwa najis pada 'ain (dzat) dapat suci dengan *istihalah*. Jika najis sudah menjadi abu, maka tidak dikatakan najis lagi. Sedangkan Jumhur ulamak berpendapat bahawasanya najis 'ain (zat) tidaklah dapat suci dengan cara *istihalah*. Begitu pula jika ada uap yang berasal dari api yang bahannya najis, lalu uap itu mengembun, maka tetap dihukumi najis.

Dikecualikan dalam masalah ini adalah untuk khomr, yaitu khomr yang berubah menjadi cuka dengan sendirinya, tidak ada campur tangan. Cuka yang berasal dari khomr seperti itu dianggap suci. Alasan najisnya khomr tadi adalah karena memabukkan. Saat jadi cuka tentu tidak memabukkan lagi, maka dari itu dihukumi suci. Hal ini telah menjadi ijma' (kesepakatan para ulama).

## Rujukan

- [1] Wizarat al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyah, (1984), *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*, cet, Kuwait, h. 213.
- [2] Muhammad Bin Mukrim Ibn Manzur (1990), *Lisan al-Arab*, Dar Sadir, h.185.
- [3] Muhammad bin Abi Bakr bin 'Abd, al-Qadir al-Razi (1997), *Mukhtar al-Sihah*, Beirut: Dar Al-Fikr al-Arab h. 77.
- [4] George Percy Badger (1881), *English – Arabic Lexicon*, London: C. Kegan Paul & Co., h.277.
- [5] Majlis al-A'la Li al-Su'un al-Islamiyyah (1309H), *Mawsu'at Jamal 'Abd al-Nasir fi al-Fiqh al-Islami*, Jilid5, (t.t.p): (t.p.), h.7.
- [6] Abu Muhammad 'Abd Allah bin Qudamah (1984), al-Mughni, Beirut: Dar al-Fikr, h. 89.
- [7] Syeikh Salim Ibn Samir al-Hadrami (t.t.)Safinat al-Naja fi Ilmi al-Fiqh, Pulau Pinang: Percetakan Almuarif, H. 8.
- [8] Ala al-Din Abi Bakr bin Mas'ud al-Kasani (t.t.) *Bada' al-Sana' I fi Tartib al-Syara' I*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm. 442.
- [9] Ahmad Ibn Muhammad al-Fayyumi (1985), *al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Sarh al-Kabir*, J. 1, Beirut: al-Maktabah al-Ilmiyyah, h. 190.
- [10] Wahbah al-Zuhayli (1997), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Juz. 1, cet. 4, Damsyik: Dar Al-Fikr, h. 100.
- [11] Nazir Hammad (2004), *al-Mawad al-Muharramah wa al-Naiasah fil al-Ghiza wa al-Dawa' bayna al-Nazariyyahwa al-Tatbiq*, Damsyik: Dar al-Qalam, h. 16.
- [12] Abu Hasan 'Ali Bin Muhammad bin 'Ali al-Husayni al-Jurjani (2000), *al-Ta'rifat*, Beirut: Dar al-Nafa'is, h. 23.
- [13] Ahmad al-Ayid et al. (t.t.), *Mu'jam al-Arabi al-Asasi*, al-Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum, h. 366.
- [14] Majlis al-A'la Li al-Su'un al-Islamiyyah (1309H), *Mawsu'at Jamal 'Abd al-Nasir fi al-Fiqh al-Islami*, Jilid5, (t.t.p): (t.p.), h.7.
- [15] Proffesor Muhammad Abd Salam "Musykilah Istikhdam al-Mawad fi al-Muntajat al-Ghazaiyyah", Muassasah Kuwait lit Taqaddam al-Ilmi , 2003.
- [16] Majalah Dauriah Muhakkamah , *Al-Mujamma' al-Fiqhi al-Islami* , bil 13.